

Hudud: BN tunggu syor Pas

B.H. - 1 MAY 1992

KOTA KINABALU, Khamis — Umno akan menyokong hasrat kerajaan Pas untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan jika ia benar-benar mengikut kehendak Islam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Katanya, cadangan itu akan diteliti sekiranya Pas mengemukakan usul untuk meminda Perlembagaan Persekutuan di Dewan Rakyat bagi membolehkan hukum hudud dilaksanakan.

"Kita akan mengka-jinya. Tetapi pada umumnya, sekurang-kurangnya

Umno akan memberi sokongan kalau pindaan itu adalah pindaan yang betul-betul mengikut kehendak Islam," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan tertutup dengan pemimpin Umno Sabah di sini.

Perdana Menteri juga berkata, bagi kerajaan, pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan yang dicadangkan Pas, akan dikaji untuk mengenal pasti apa yang dikatakan menghalang pelaksanaan hukum itu.

"Kalau mereka (Pas) kemukakan cadangan ini sebagai satu usul dalam De-

wan Rakyat, maka kita akan kaji," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Pusat belum menerima cadangan rasmi berhubung pindaan itu.

Ditanya mengenai kenyataan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lee Kim Sai, semalam bahawa Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) diberi kebebasan membuat keputusan sendiri sekiranya ada syor meminda Perlembagaan membolehkan hukum itu dilaksanakan, Perdana Menteri berkata:

"Belum ada keputusan rasmi dibuat oleh Kabinet (berhubung pindaan per-

lembagaan) kerana belum ada cadangan diterima daripada Pas."

Menurutnya, kerajaan cuma memberi pengakuan akan memberi sokongan dengan syarat pindaan itu boleh diterima oleh semua pihak.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata kedatangan beliau ke negeri ini adalah lawatan biasa kerana sudah lama tidak ke sini.

Katanya, kedatangan beliau bukan kerana menjangkakan pilihanraya negeri secara mengejut.

Pengerusi BN itu juga berkata, beliau tidak me-

nerima sebarang permohonan rasmi daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memerintah Sabah untuk merujuk semula ke pangkuan BN.

"Khabar angin mengenai PBS merujuk semula ke BN memang ada, tetapi saya tidak menerima permohonan rasmi," ujarnya.

Mengenai perjumpaan tertutupnya dengan pemimpin Umno Sabah pagi ini, Dr Mahathir berkata, beliau antara lain menerangkan kepada mereka mengenai asal-usul Umno, perjuangan dan sebab Umno ke negeri ini.